

24 JUN 1999

MALAYSIA-AKADEMIK

AHLI AKADEMIK S'PURA MENOLAK KECAMAN TERHADAP KAWALAN MODAL MALAYSIA

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 24 Jun (Bernama) -- Seorang profesor perniagaan tempatan menolak sebuah laporan oleh rakan sejawatannya dari Singapura yang mengecam langkah kawalan modal Malaysia pada satu pembicaraan jawatankuasa kecil asing kongres AS mengenai Malaysia.

Pembicaraan kongres itu telah dibidas oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana tiada langsung wakil Malaysia diminta menyuarakan pendapatnya.

Dalam sepucuk surat panjang lebar yang disiarkan dalam akhbar Straits Times hari ini, Profesor Madya Chan Teng Heng dari Pengajian Perniagaan, Universiti teknologi Nanyang (NTU) berkata beliau ingin membentangkan perspektif yang berbeza tentang masalah yang dihadapi oleh Malaysia berikutan komen yang dibuat oleh Linda Lim, pengarah Program Perniagaan Asia Tenggara, Pengajian Perniagaan University of Michigan pada sidang jawatankuasa kecil kongres 16 Jun lalu.

Dalam kertas kerjanya, Lim berkata kawalan modal tersebut adalah tidak perlu dan tidak mencukupi serta melambatkan pemulihan ekonomi Malaysia.

Prof Chan berkata ramai yang telah mengecam langkah kawalan modal Malaysia tetapi tidak menawarkan sebarang alternatif bagi meringankan masalah Malaysia.

Katanya ramai ahli perniagaan bimbang akan kedatangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ke Malaysia apabila jiran-jirannya menjadi lebih teruk walaupun terdapat usaha menyelamatkan.

"Walaupun saya bukan penyokong Dr Mahathir, namun saya kagum dengan keberanian dan ketabahan beliau dalam melaksanakan kawalan modal," katanya.

"Berapa banyakkah negara Asia yang mempunyai keberanian untuk berhadapan dengan IMF dalam mengubah keadaan negara dan berkata: `Terima kasih sahajalah' tanpa menerima dananya?" tanya beliau.

Sambil menghuraikan dilema syarikat-syarikat Malaysia pada mulanya ketika negara ini mematuhi kaedah penjimatan fiskal dan kewangan IMF, Prof Chan berkata "syarikat-syarikat tumbang satu persatu disebabkan oleh masalah mudahtunai.

"Ramai rakan sekerja saya setuju bahawa jika Malaysia menerima IMF untuk mengubah keadaan negara, lebih banyak kekayaan peribadi di Malaysia musnah sebelum pemulihan ekonomi berlaku," kata Prof Chan sambil menambah bahawa ramai di antara rakan-rakannya merupakan ahli profesional dan perniagaan yang berpengalaman, yang pernah mengalami kemelesetan pada pertengahan tahun-tahun 80-an.

Katanya model IMF bagi pemulihan tidak boleh digunakan secara menyeluruh bagi negara-negara Asia di mana perniagaannya saling berkait dengan begitu rapat hinggan penutupan sebuah syarikat akan menjejaskan ekonomi yang kecil seperti Malaysia.

"Adalah sesuatu yang bodoh untuk terus berkayuh dalam perahu IMF, jika di dalam air di sekeliling, kita melihat syarikat-syarikat di negara-negara jiran lemas satu persatu dalam tindakan pembetulan IMF."

Prof Chan berkata ekonomi-ekonomi Asia perlu berubah bagi "menggunakan rumusan kita sendiri" jika langkah-langkah pembetulan Barat tidak sesuai dan langkah-langkah mengenakan kawalan ada baiknya kerana ia merupakan mekanisme pertahanan untuk terus hidup.

"Barat mungkin tidak menyukainya kerana langkah-langkah ini merupakan satu penghinaan terhadap teori dan kaedah pemulihan Barat.

"Ada banyak jalan menuju kejayaan. Cuma Malaysia telah memilih jalan

yang lain daripada jalan IMF," katanya.

-- BERNAMA

TCL KY MA